Jadual 7.6 Strategi institusi berkenaan dengan alternatif I

| Strategi Mahkamah Agung | Strategi Peradilan Agama | Strategi Peradilan Umum |
|---|---|---|
| **Jangka Pendek:**<br>**Undang-undang**<br>- Perlu meninjau semula hasil Mesyuarat Kerja Nasioanal tentang penyerahan bidang kuasa berkenaan kepada PA, sehingga menemukan kesepakatan baru<br>- Perlu menyediakan peruntukan baru yang menyokong PU dalam menyelesaikan tugas baru, antaranya galakan bagi merujuk fatwa-fatwa Dewan Syariah Nasional (DSN) dan bersama-sama mengguna pakai Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah bagi kedua-dua mahkamah. Membentuk Unit khusus di setiap peringkat peradilan, bagi menangani kes perbankan Islam.<br>**Lain-lain**<br>- Menyiapkan dana bagi menyokong pelbagai persiapan bagi kedua-dua mahkamah melaksanakan tugas tersebut.<br>- Mensosialisasikan kepada masyarakat luas melalui pelbagai media, bagi mengelakkan berlakunya ketidakpastian undang-undang.<br>- Membuat buku panduan pelaksanaan penyelesaian pertikaian perbankan Islam bagi pedoman di lapangan.<br>- Memberikan kemudahan bengkel-bengkel perbankan Islam bagi para peguam.<br>- Melengkapi perpustakaan setiap mahkamah dengan | - Melanjutkan pelbagai program yang telah dirancangkan sama ada jangka pendek mahupun jangka panjang. | **Jangka Pendek:**<br>**Undang-undang**<br>- Melantik hakim khusus yang melakukan pemerhatian terhadap muamalat Islam dan perbankan Islam, atau<br>- Mewujudkan unit khusus bagi menangani pertikaian perbankan Islam di setiap kawasan dan peringkat.<br>- Menggalakkan rujukan perundangan yang muktamad bagi proses penghakiman.<br>**Lain-lain**<br>- Melakukan sosialisasi secara berterusan kepada masyarakat tentang bidang kuasa baru.<br>- Mencadangkan pelbagai bengkel dan latihan bagi para hakim dan panitera tentang undang-undang Islam, khususnya bidang muamalat dan perbankan Islam. |

| | | |
|---|---|---|
| rujukan-rujukan bidang muamalat Islam sebagai bahan rujukan bagi hakim dalam menggali dan menemukan undang-undang.<br>- Membantu sosialisasi secara berterusan.<br>- Menyokong pengembangan e-mahkamah<br><br>**Jangka Panjang**:<br>**Undang-undang**<br>- Melakukan rekrutmen hakim dan panitera yang bersesuaian.<br>- Mencadangkan pembentukan peradilan niaga khusus.<br>- Mencadangkan penyelarasan rujukan perundangan berkenaan agar tidak bercanggah dengan shariah, termasuk KUH Per.<br>**Lain-lain**<br>- Mencadangkan tambahan kurikulum materi muamalat Islam pagi pelajar Fakulti Undang-undang. | | **Jangka Panjang:**<br>**Undang-undang**<br>- Menyediakan peruntukan yang selari dengan polisi Mahkamah Agung berkenaan.<br><br>**Lain-lain**<br>- Membiayai pendidikan pasca sarjana bagi para hakim dalam bidang ekonomi dan undang-undang Islam.<br>- Mempersiapkan sumber daya insan bagi menyokong cadangan pembentukan peradilan niaga khusus |